

ORIENTEERING

1.0 UNDANG – UNDANG PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Peraturan Am Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini dan peraturan yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan Orienteering Negeri Terengganu (PSOT).

2.0 PENDAFTARAN PESERTA

- 2.1 Perkara 4.0 di dalam Undang-undang dan Peraturan Am Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) adalah di rujuk.
- 2.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih daripada 4 orang pemain lelaki dan 4 orang pemain wanita dalam Sistem Pendaftaran Pertandingan.
- 2.3 Pemain yang tidak disenaraikan namanya di dalam Borang Pendaftaran Pertandingan tidak dibenarkan mengambil bahagian.

3.0 KONSEP PERTANDINGAN DAN KATEGORI

- 3.1 Jenis atau konsep pertandingan orienteering ini adalah '**Linear Orienteering**' yang mana setiap universiti menghantar tidak lebih 8 orang iaitu kategori:

3.1.1 Individu

- a. Seorang Lelaki
- b. Seorang Wanita

3.1.2 Berpasukan

- a. 3 orang peserta Lelaki
- b. 3 orang peserta Wanita

- 3.2 Setiap kategori perlu melawat "**Checkpoint (CP)**" mengikut turutan. Turutan CP dinyatakan di dalam Peta Orienteering / "**Orienteering Map**" yang akan digunakan.

4.0 PERATURAN PERTANDINGAN

- 4.1 Peserta mestilah berdaftar dengan universiti yang diwakili sahaja.
- 4.2 Peserta dikehendaki mendaftar masuk pertandingan (*check - in*) 1 jam awalsebelum pertandingan bermula.
- 4.3 Peserta tidak dibenarkan menggunakan sebarang bentuk atau jenis kenderaan.
- 4.4 Penggunaan sebarang alat elektronik seperti telefon bimbit atau '*walkie talkie*' adalah dilarang sama sekali.
- 4.5 Peserta diwajibkan mempunyai kompas semasa pertandingan dijalankan.
- 4.6 Peserta diwajibkan memakai "bib" memaparkan kod nombor dan kategori yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 4.7 **Had Masa Pertandingan** yang diberikan ialah selama 1 jam 30 minit.
- 4.8 Pasukan yang lewat dari **Had Masa Pertandingan**, dikira batal.

5.0 PELEPASAN PERMULAAN

- 5.1 Peserta akan dilepaskan mengikut turutan "*Start List*".
- 5.2 Masa "*Start List*" akan dipaparkan di "*Flag-off Line*" sebagai rujukan setiap pasukan.
- 5.3 Setiap pasukan perlu mendaftar 1 jam lebih awal di garisan perlumbaan mengikut masa yang telah ditetapkan pada "*Start List*".
- 5.4 Setiap pasukan yang mendaftar lewat dari masa "*Start List*" atau pada 30 minit di garisan permulaan akan membuat pelepasan di senarai akhir.
- 5.5 Peserta akan diletakkan di ruangan "*Quarantine Area*" yang telah ditetapkan sebelum pelepasan.
- 5.6 Pelepasan akan dibuat apabila individu / keempat – empat ahli pasukan beradadi "*Flag - off Line*".
- 5.7 Peserta akan dilepaskan di "*Flag-off Line*" berdasarkan kategori.
- 5.8 Sebarang rayuan untuk pertukaran "*Start List*" adalah tidak dibenarkan.

6.0 PENENTUAN PEMENANG

- 6.1** Pemenang akan ditentukan berdasarkan masa terpanjang sampai di Garisan Penamat.
- 6.2** Sekiranya terdapat persamaan dari segi masa, penentuan pemenang akan diambil kira berdasarkan rekod catatan pengadil atau rakaman di Garisan Penamat.
- 6.3** Keputusan pertandingan adalah muktamad. Sebarang permohonan bantahan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Rayuan Pertandingan atau Jawatankuasa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

7.0. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa lokasi pertandingan tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal – hal yang tidak dijangkakan, pertandingan itu tidak dapat dimulakan atau sekiranya diberhentikan akibat hal – hal yang di luar kawalan, maka pertandingan yang ditunda atau diberhentikan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

8.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.